


Pendidikan & Latihan

Program terbaik

■ **AeU tawar pengajian bagi penuhi cara hidup golongan bekerja sambung belajar**

Oleh **Hamizah Badiran**
hamizah@hmetro.com.my

Program pascasiswazah di Asia e University (AeU) dirumus khas bagi memenuhi keperluan dan cara hidup golongan bekerja yang berhasrat untuk memantapkan ilmu akademik serta menjalankan kajian terhadap bidang diminati.

Justeru, AeU tekad menawarkan pengalaman program penyelidikan terbaik khas buat mereka yang memiliki waktu belajar terhad.

Melalui penyelidikan, pelajar dilatih menghubungkan bahan pembelajaran dan mengkajinya secara kritikal dalam bentuk penulisan tesis berdasarkan data kuantitatif mahupun kualitatif.

Program Doktor Falsafah (Sastera) antara program ke-doktoran di AeU yang semakin menarik minat pensyarah, penyelidik, guru serta golongan profesional daripada pelbagai latar belakang di dalam dan luar negara.

Pusat Pengajian Siswazah di AeU sudah melakar kejayaan sebagai peneraju pengajian

membabitkan bidang penyelidikan sejak penubuhannya.

Sama ada sepenuh masa atau sambilan, tempoh pengajian doktor falsafah memakan masa selama tiga tahun (12 semester) hingga empat tahun (16 semester) bergantung kepada penyelidikan yang dijalankan.

Pemohon perlu memiliki kelayakan ijazah sarjana yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau sebarang kelayakan setaraf daripada organisasi diiktiraf semasa permohonan.

Seorang pelajar yang mengikuti program itu secara sambilan, Mohd Fazil Ismail berkata, bidang komunikasi dan psikologi menawarkan skop pengajian yang penuh dengan cabaran dan memerlukan kajian terperinci.

"Selepas menghadiri beberapa siri kolokium, saya dapati AeU menawarkan persekitaran yang mesra terutama bagi golongan berkerjaya.

"Pemilihan penyelia yang tepat membantu saya menguruskan keperluan pembelajaran dan kajian dengan lebih teratur," katanya.

FAKTA

Pusat Pengajian Siswazah AeU lakar kejayaan peneraju pengajian bidang penyelidikan sejak penubuhannya



PROSES pembelajaran di AeU memudahkan Mohd Fazil melakukan kajian yang diminati.